

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## MB dan 2,000 penduduk Cheroh kutuk komunis

KUANTAN, Rabu — Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Rashid Abdul Rahman hari ini mengutuk kekejaman pengganas komunis yang menembak mati seorang ahli Rela di pekan kecil Cheroh, Raub Isnin lalu.

Mangsa itu, Encik Tong Tha Yong, 53 tahun, ayah tujuh orang anak, ditembak bahagian dahi dan dadanya oleh seorang dari dua 'pengganas komunis bersenjata dari dekat.

Turut mengecam sekeras-kerasnya ialah 2,000 penduduk Kampung Baru Cheroh yang akan mengadakan tunjuk perasaan esok untuk meluahkan rasa benci mereka terhadap tindakan pengganas komunis itu.

Dalam sidang akhbar di Bilik Gerakan Negeri di sini, Menteri Besar berkata kerajaan dan orang ramai mengutuk dan merasa benci atas tindakan tidak bertanggungjawab itu.

### Tembak

"Ini jelas menunjukkan taktik kotor pengganas komunis yang semata-mata bertujuan menyusahkan rakyat," kecam Datuk Haji Abdul Rashid selaku Pengarah Gerakan Negeri.

Ketua Polis Negeri, Datuk Haji Ghazali Abu Bakar menerangkan kejadian tersebut berlaku semasa Encik Tong sedang menikmati minuman ringan di sebuah kedai di pekan itu, kira-kira 7.50 malam.

Dua orang pengganas bersenjata dan berpakaian awam muncul tiba-tiba dari dalam gelap. Sementara seorang berdiri berjaga, seorang lagi menembak Encik Tong beberapa das.

Selepas itu, kedua pengganas dari pasukan yang menggelarkan diri mereka Unit Penggempur Keenam menaiki motosikal Encik Tong dan pergi ke rumah Encik Tong tidak jauh dari situ.

Mereka mengugut isterinya sebelum mendapatkan senapang patah milik Encik Tong, mereka bagaimanapun tidak mendapat pelurunya.

Kedua pengganas itu terus memecut motosikal itu ke arah Raub, kemudian meninggalkan motosikal itu di pinggir hutan di Cheroh dan lari ke dalam hutan.